

**KEPENTINGAN PEMELIHARAAN RUMAH KUTAI DI PASIR SALAK, PERAK  
YANG MEMBERI IMPAK DALAM SOSIOBUDAYA MASYARAKAT**

**NURHAKIMAH BINTI ESA**

UNIVERSITI

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

MALAYSIA

KELANTAN

**2021**

ETKWW



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KEPENTINGAN PEMELIHARAAN RUMAH KUTAI DI PASIR SALAK, PERAK  
YANG MEMBERI IMPAK DALAM SOSIOBUDAYA MASYARAKAT**

**DISEDIAKAN OLEH:  
NURHAKIMAH BINTI ESA**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian.

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2021**

ETKW

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

☐ **TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

☐ **SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

☐ **SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

☐ **TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

NURHAKIMAH BINTI ESA

PUAN FARRAH ATIKAH BINTI SAARI

Tarikh:

Tarikh:

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipikan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGAKUAN

Projek bertajuk “Kepentingan Pemeliharaan Rumah Kutai Di Pasir Salak, Perak Yang Memberi Impak Dalam Sosiobudaya Masyarakat” telah disediakan oleh **(NURHAKIMAH BINTI ESA)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (**Konservasi Warisan**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

\_\_\_\_\_  
(Puan Farrah Atikah Binti Saari)

Tarikh:

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan berkat-Nya, dapatlah penulis menyiapkan laporan penyelidikan bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, penulis juga bersyukur kerana segala masalah dan pelbagai kekangan yang timbul sepanjang kajian ini dijalankan telah berjaya diatasi. Semua permasalahan ini menjadikan penulis insan yang mengenal erti kesabaran dan manisnya sebuah kejayaan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan ditujukan kepada Pn. Farrah Atikah Binti Saari selaku penyelia tesis yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan juga membimbing penulis sepanjang pelaksanaan kajian ini. Beliau juga telah banyak memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini. Selain itu, terima kasih juga diucapkan penduduk kampung di kawasan Kompleks Bersejarah Pasir Salak dan pemilik atau penjaga Rumah Kutai iaitu Encik Saat Bin Harun dan juga beberapa responden yang lain yang telah memberi kerjasama dan bantuan sepanjang penulis menjalankan kajian ini.

Selain itu, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ibu yang amat disayangi iaitu Pn. Jama'iah Binti Ibrahim yang tidak putus-putus memberikan dorongan dan semangat untuk meneruskan penyelidikan ini. Di samping itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan seperjuangan dan teman-teman rapat atas segala pertolongan, dorongan, dan sokongan moral kalian yang tidak berbelah bahagi.

Akhir sekali, sekalung penghargaan dan sekalung budi buat semua yang terlibat dalam Elektif Konservasi Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan serta Pihak Universiti Malaysia Kelantan sepanjang pengajian saya di sini.

# **Kepentingan Pemeliharaan Rumah Kutai Di Pasir Salak, Perak Yang Memberi Impak Dalam Sosiobudaya Masyarakat.**

## **ABSTRAK**

Projek Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai “Kepentingan Pemeliharaan Rumah Kutai Di Pasir Salak, Perak Yang Memberi Impak Dalam Sosiobudaya Masyarakat”. Rumah Kutai atau Kotai adalah merupakan rumah tradisional tertua di negeri Perak. Rumah Kutai ini terdapat di kawasan Kompleks Bersejarah Pasir Salak, Perak. Rumah Kutai ini terdapat dua jenis iaitu iaitu Rumah Kutai bertiang 12 dan Rumah Kutai bertiang 16. Dalam kajian ini pengkaji menumpukan pada keistimewaan seni bina Rumah Kutai di Pasir Salak di mana ianya mempunyai bahan binaan dan ukiran unik yang tidak diketahui oleh masyarakat. Rumah Kutai ini juga semakin tenggelam dek arus pemodenan rumah pada masa kini Hal ini menyebabkan masyarakat kini memandang remeh terhadap warisan Rumah Kutai. Objektif kajian ini adalah mengetahui keistimewaan senibina Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Objektif pengkaji juga ingin mengkaji persepsi masyarakat terhadap pemeliharaan dan mengenalpasti kesan pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak kepada sosiobudaya masyarakat. Kaedah pemerhatian, temubual dan borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan data sekaligus bagi menyempurnakan proses kajian dari langkah awal hingga akhir. Kajian yang dilakukan ini akan memberikan kesan yang baik kepada pemilik rumah sekaligus kepada pelbagai pihak dalam langkah pemuliharaan dan pemeliharaan yang dibuat. Hal ini juga dapat memberi masyarakat lebih menghargai nilai warisan ketara ini khususnya kepada generasi akan datang.

Kata Kunci: *keistimewaan, seni bina, sosiobudaya, Rumah Kutai, Rumah Tradisional, warisan, pemeliharaan.*

# **The Importance Of Maintaining Kutai Houses In Pasir Salak, Perak Which Has An Impact In The Socio -Cultural Community.**

## **ABSTRACT**

This research project is a study on "The Importance Of Preserving Kutai Houses In Pasir Salak, Perak Which Has An Impact In The Socio -Cultural Community". Rumah Kutai or Kotai is the oldest traditional house in Perak. This Kutai house is located in the Pasir Salak Historical Complex, Perak. There are two types of Rumah Kutai, namely Rumah Kutai with 12 pillars and Rumah Kutai with 16 pillars. In this study, the researcher focuses on the architectural features of Rumah Kutai in Pasir Salak where it has unique building materials and carvings that are not known by the community. This Kutai house is also increasingly sinking into the current of house modernization. This has caused the community to look down on the heritage of the Kutai House. The objective of this study is to find out the special architecture of Rumah Kutai in Pasir Salak, Perak. The objective of the researcher is also to study the community's perception on the preservation and identify the impact of the preservation of Rumah Kutai in Pasir Salak, Perak to the socio -culture of the community. Observation methods, interviews and questionnaires were used to obtain data at once to complete the research process from the beginning to the end. This study will give a good impact to homeowners as well as to various parties in the conservation and preservation measures made. This can also give the community more appreciation for the value of this significant heritage, especially to future generations.

**Keywords:** *privilege, architecture, socioculture, Kutai House, Traditional House, heritage, preservation.*

## ISI KANDUNGAN

| KANDUNGAN                 | MUKA SURAT |
|---------------------------|------------|
| PENGHARGAAN               | i          |
| ABSTRAK                   | ii         |
| ABSTRACT                  | iii        |
| ISI KANDUNGAN             | v          |
| SENARAI JADUAL            | vi         |
| SENARAI RAJAH             | vii        |
| <br>BAB 1 PENDAHULUAN     | <br>1      |
| 1.1 Pengenalan            | 2          |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 4          |
| 1.3 Permasalahan Kajian   | 5          |
| 1.4 Objektif Kajian       | 6          |
| 1.5 Persoalan Kajian      | 6          |
| 1.6 Kepentingan Kajian    | 9          |
| 1.7 Skop Kajian           | 11         |
| 1.8 Batasan Kajian        | 12         |
| 1.9 Definisi Terminologi  | 14         |
| 1.10 Penutup              | 15         |

|                                                                                 |               |
|---------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| <b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>                                                     | <b>16</b>     |
| 2.1 Pengenalan                                                                  | 16            |
| 2.2 Sejarah Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak                                   | 17            |
| 2.3 Ciri-ciri Seni Bina Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak                       | 18            |
| 2.4 Faktor Yang Mengancam Kepupusan Rumah Kutai di Pasir Salak,Perak            | 19            |
| 2.5 Kepentingan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bangunan dalam Kalangan Komuniti. | 19            |
| 2.6 Pengaruh Sosiobudaya dalam kalangan Masyarakat setempat.                    | 20            |
| 2.7 Kecacatan Bangunna Lama                                                     | 21            |
| 2.8 Penutup                                                                     | 22            |
| <br><b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>                                              | <br><b>23</b> |
| 3.1 Pengenalan                                                                  | 24            |
| 3.2 Rekabentuk Kajian                                                           | 26            |
| 3.3 Instrumen Kajian                                                            | 27            |
| 3.4 Prosedur Pungutan Data                                                      | 29            |
| 3.5 Kaedah Analisis Data                                                        | 31            |
| 3.6 Jangkaan Dapatan Kajian                                                     | 32            |
| 3.6 Penutup                                                                     | 32            |

|                                                          |               |
|----------------------------------------------------------|---------------|
| <b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>                              | <b>33</b>     |
| 4.1 Pengenalan                                           | 33            |
| 4.2 Analisis Maklumat Demografi                          | 37            |
| 4.3 Analisi Data Berdasarkan Temu Bual                   | 45            |
| 4.4 Analisis Data Berdasarkan Borang Soal Selidik        | 50            |
| <br><b>BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN &amp; KESIMPULAN</b> | <br><b>51</b> |
| 5.1 Pengenalan                                           | 51            |
| 5.2 Perbincangan dapatan Kajian                          | 55            |
| 5.3 Rumusan                                              | 57            |
| 5.4 Cadangan                                             | 59            |
| 5.5 Penutup                                              | 60            |
| <br><b>RUJUKAN</b>                                       | <br><b>62</b> |
| <br><b>LAMPIRAN</b>                                      |               |

**SENARAI JADUAL**

| <b>NO.</b> |                                                | <b>MUKA SURAT</b> |
|------------|------------------------------------------------|-------------------|
| 3.2        | Kaedah Analisis Data                           | 30                |
| 3.3        | Jadual Skala Likert                            | 31                |
| 4.1        | Nama Responden yang di Temu Bual oleh Pengkaji | 34                |

## SENARAI RAJAH

| NO.  |                                                                                              | MUKA SURAT |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.1  | Rumah Kutai di Kompleks Bersejarah Pasir Salak, Perak.                                       | 3          |
| 1.2  | Peta Kawasan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.                                              | 11         |
| 2.1  | Seni Anyaman Kelerai pada Dinding Rumah Kutai.                                               | 17         |
| 2.2  | Kecacatan Rumah Lama                                                                         | 20         |
| 3.1  | Carta Alir Reka Bentuk Kajian                                                                | 22         |
| 4.2  | Bilangan Responden Mengikut Jantina                                                          | 35         |
| 4.3  | Bilangan Responden Mengikut Umur                                                             | 36         |
| 4.4  | Bilangan Responden Mengikut Pekerjaan                                                        | 37         |
| 4.5  | Pandangan Sisi Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.                                            | 38         |
| 4.6  | Rumah Kutai di Kompleks Sejarah Pasir Salak, Perak.                                          | 39         |
| 4.7  | Tangga Bahagian Selang Kering                                                                | 41         |
| 4.8  | Pandangan Bumbung Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.                                         | 42         |
| 4.9  | Tingkap Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.                                                   | 43         |
| 4.10 | Pelan Lantai Ruang Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.                                        | 44         |
| 4.11 | Lebah Bergantung bagi Ragam Hias Rumah Kutai.                                                | 45         |
| 4.12 | Data Pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.                                         | 48         |
| 4.13 | Data Kesan Pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak,<br>Perak kepada Sosio Budaya Masyarakat. | 50         |

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Seni bina setiap bangunan di Malaysia terdapat identiti tersendiri yang melambangkan budaya bagi masyarakat di negara ini antaranya seperti Rumah Melayu Tradisional. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, seni bina ialah seni bangunan Id seni mengenai bangunan (penyediaan reka bentuk dan penyeliaan pembinaan bangunan dan sebagainya. Seni bina dan reka bentuk bukan diletak pada nilai komersial tetapi bercambah dek tuntutan keperluan harian dalam adat budaya dan juga nilai agama (Hamidon Abdullah, 2007). Seni bina telah lama dipengaruhi di Tanah Melayu sejak kedatangan Islam lagi. Seni bina ini berjaya mempengaruhi masyarakat dalam mengekalkan identiti dan adat resam dalam kehidupan masyarakat.

Menurut *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*, Rumah adalah binaan untuk tempat tinggal dan Melayu adalah nama suatu bangsa dan bahasa (terutama di Semenanjung Malaysia). Oleh hal yang demikian, Rumah Melayu adalah merupakan rumah kediaman bagi masyarakat Melayu yang mempunyai pelbagai

reka bentuk yang mempengaruhi kehidupan pada ketika itu. Rumah kediaman yang dibina oleh masyarakat Melayu adalah merupakan salah satu kesempurnaan dalam kehidupan seharian mereka.

Dalam menyelusuri sejarah Malaysia, jelas kita mendapati bahawa Rumah Melayu Tradisional adalah salah satu komponen terpenting yang membawa nilai warisan yang harus dijaga dan dipelihara, (Mohamad Sohaimi Man, 2017). Rumah Tradisional Melayu ini kita dapat dilihat di beberapa negeri seperti Rumah Melayu Tradisional Melaka, Rumah Panjang, Rumah Melayu Sarawak, Rumah Kutai dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, Rumah Tradisional Melayu semakin diancam kepupusan dek arus pemodenan yang semakin pesat. Oleh itu, rumah Melayu tradisional seharusnya dijaga dan dipelihara semula agar dapat menjadi tatapan buat generasi masa kini. Dengan itu, kita dapat membuktikan nilai kecintaan dan juga menghargai khazanah yang terdapat di negara kita khususnya rumah Melayu tradisional.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian ini adalah pengkaji menyelusuri sejarah Rumah Melayu Tradisional di negeri Perak. Rumah Kutai adalah merupakan rumah Melayu tradisional yang semakin dilupakan oleh generasi pada masa kini. Rumah Kutai atau Kotai adalah lama atau tua telah didiami oleh penduduk masyarakat Melayu sejak lebih 200 tahun dahulu (Iskandar Zulqarnain, 2019). Rumah Melayu tradisional ini terdapat dua jenis iaitu Rumah Kutai bertiang 12 dan Rumah Kutai bertiang 16. Setiap Rumah Kutai ini mempunyai struktur dan juga kepentingan yang sama. Rumah Kutai ini terdapat lebih kurang 70 buah dan dibina di kawasan yang berhampiran dengan tebing sungai iaitu Sungai Perak. Rumah Kutai ini bertapak di kawasan Daerah Tengah, Kuala Kangsar dan Pasir Salak (Kamarul Syahril Kamal, Lilawati Ab Wahab dan Mohd Fareh Majid, 2007). Rumah Kutai ini dikatakan semakin pupus dan tidak mendapat perhatian daripada masyarakat setempat. Hal ini demikian kerana Rumah Kutai ini semakin beransur tua dan terdapat yang sudah runtuh atau reput disebabkan tidak berpenghuni. Masyarakat seharusnya menghargai khazanah ini agar Rumah Kutai ini menjadi tatapan umum.



Rajah 1.1: Rumah Kutai di Kompleks Bersejarah Pasir Salak, Perak.

(Sumber: <https://penselpatahtunteja.blogspot.com/2016/09/rumah-kutairumah-tradisional-negeri.html>)

### 1.3 Permasalahan Kajian

Dalam penyelidikan pernyataan masalah sangat penting dalam sesebuah penulisan. Masalah adalah merupakan persoalan yang menimbulkan kesukaran terhadap pengkaji dalam membuat penyelidikan sebelum mendapat keputusan secara sistematik. Menurut Uma Sekaran (2000), masalah ialah sebarang situasi di mana terdapat jurang antara situasi sebenar dan situasi ideal. Oleh itu, pernyataan masalah dapat ditentukan berdasarkan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seharian. Menurut Creswell (2005), perkara yang perlu dikenalpasti dalam permasalahan ialah topik yang hendak dikaji. Topik yang menjurus ke arah keperluan kajian, kesan yang akan berlaku jika kajian berjaya dilaksanakan. Secara amnya, Pernyataan masalah menyediakan rangka kerja awal memahami keseluruhan kajian.

Dalam penyelidikan, permasalahan yang dapat dikenalpasti oleh penyelidik ialah di mana kajian terhadap Rumah Kutai ini tidak mendapat perhatian

sepenuhnya berkenaan keistimewaan seni binanya. Rumah Kutai ini sangat unik pada seni ukir dan juga bahan pembinaannya. Ikatan antara alam bina dan manusia telah menunjukkan terhasilnya seni bina yang dirancang oleh masyarakat Melayu di masa lalu (Daeng Haliza Daeng Jamal, Norazlinda Rosdi & Zuliskandar Ramli, 2020). Hal ini dikatakan demikian kerana seni bina rumah mempengaruhi kehidupan masyarakat dahulu. Rupa bentuk persekitaran Rumah Kutai yang menjadi lebih istimewa disebabkan kesesuaian bentuk muka bumi, iklim dan juga persekitarannya. Oleh itu, ciri-ciri binaan rumah Kutai sangat unik disebabkan cara pembuatannya dan bahan yang digunakan. Namun, arus pembangunan yang moden telah menyebabkan seni bina rumah melayu tradisonal semakin dilupakan.

Selain itu, dalam mengekalkan persekitaran rumah tradisional dalam masyarakat setempat pada masa kini amat sukar. Hal ini demikian kerana arus pemodenan yang semakin berkembang pesat. Rumah Melayu Tradisional semakin dilupakan oleh generasi pada masa kini terutamanya Rumah Kutai dan juga rumah tradisional Melayu yang lain. Masyarakat setempat kebanyakannya tidak lagi memandag terhadap seni bina Rumah Kutai disebabkan arus pemodenan. Pengaruh seni bina Rumah Kutai seharusnya dikekalkan agar ianya tidak pupus dek zaman.

Permasalahan terhadap kesan pemeliharaan Rumah Kutai juga menjadi isu di mana masyarakat memandag remeh terhadap warisan Rumah Kutai. Rumah Kutai yang semakin hilang dari pandangan generasi akan lebih sukar untuk dipulihara disebabkan nilai sosiobudaya masyakat yang lebih mementingkan seni bina rumah yang lebih moden. Sedangkan, kegiatan konservasi akan memberi kesan yang positif bagi kehidupan masyarakat setempat.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah merupakan apa yang ingin dicapai oleh penyelidik iaitu:

- i. Mengetahui keistimewaan senibina Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.
- ii. Mengkaji persepsi masyarakat terhadap pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.
- iii. Mengenalpasti kesan pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak kepada sosiobudaya masyarakat.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat tiga persoalan mengapa penyelidikan ini hendak dilaksanakan:

- i. Apakah keistimewaan senibina Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.
- ii. Bagaimanakah persepsi masyarakat terhadap pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.
- iii. Apakah kesan pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak kepada sosiobudaya masyarakat.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian adalah merupakan bahagian yang mengandungi kepentingan umum dan khusus kajian. Kepentingan kajian ini adalah faedah yang akan diperolehi oleh pihak-pihak tertentu dan bersifat rujukan untuk kajian masa hadapan. Kajian ini adalah berkaitan warisan ketara iaitu Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak yang dapat memberikan faedah kepada individu samada pengkaji, atau pemilik, masyarakat, institusi dan juga negara. Antara kepentingan yang ingin diperolehi pengkaji adalah seperti berikut:

### **1.6.1 Individu**

Dari segi individu, pengkaji dapat mengenalpasti keunikan seni bina yang terdapat pada Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Dalam pada itu, pengkaji dapat mengupas sejarah Rumah Kutai secara terperinci. Hal ini demikian, maklumat yang dikumpul melalui kajian bersama orang sumber adalah merupakan benar dan sahih tanpa hasil kajian yang ditokok tambah. Oleh itu, kajian ini memberi kepentingan kepada inidividu bagi mencapai objektifnya.

### **1.6.2 Masyarakat**

Kajian ini juga memberi kepentingan kepada masyarakat sekeliling. Hal ini kerana kajian ini boleh memberi impak yang positif dengan adanya pengkaji mampu mengupas keistimewaan tentang Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan dalam memelihara dan

memulihara harta warisan peninggalan nenek moyang. Rumah Kutai ini adalah harta warisan yang perlu masyarakat tahu akan keberadaannya agar masyarakat lebih menghargainya.

### **1.6.3 Institusi**

Projek penyelidikan ini merupakan salah satu syarat yang harus dilaksanakan dalam memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian. Penyelidik berharap agar kajian yang dilaksanakan ini dapat memberi impak kepada pelajar dalam mencari hasil dan maklumat terhadap warisan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Diharapkan kajian yang dilaksanakan ini juga dapat membantu para siswazah dalam memenuhi keperluan mendapatkan sorotan kajian dalam penulisan tesis dengan tepat dan sahih.

### **1.6.4 Jabatan Warisan Negara (JWN)**

Projek penyelidikan ini memberi kepentingan kepada konservator negara dalam menjalankan kajian mengenai kepentingan nilai warisan bagi pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap seni bina Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Dalam senarai perlindungan di bawah Akta Warisan 2005, rumah Kutai ini juga adalah rumah warisan yang perlu pulihara dan pelihara keseniannya. Oleh itu, konservator boleh melakukan kaedah pemuliharaan bagi meminimumkan kerosakkan bangunan lama ini. Dalam kajian ini, ahli konservator dan Jabatan Warisan Negara dapat manfaat dalam di mana mereka mampu merungkai sejarah yang masih belum diketahui oleh mana-mana pihak. Hal ini demikian dapat meningkatkan koleksi warisan negara.

#### 1.6.5 Pelancongan

Rumah Kutai ini adalah bangunan lama yang berpotensi untuk dijadikan sebagai tempat pelancongan di mana bangunan ini mempunyai nilai sejarah yang tinggi. Keistimewaan seni bina Rumah Kutai ini mampu menarik pelancong untuk berkunjung ke Perak untuk melihat sendiri seni ukiran dan reka bentuk Rumah Kutai ini. Oleh hal yang demikian, sektor pelancongan negara dapat bertambah serta memberi kesan kepada penduduk kampung dalam pendapatan ekonomi di mana seni kraftangan dapat dijual kepada pelancong yang berkunjung. Selain itu, pendedahan mengenai warisan yang terdapat pada Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak membolehkan menarik pengunjung dari luar negara. Ini dapat memberikan kesan yang positif untuk negeri dan juga negara.

#### 1.6.6 Negara

Kajian ini akan memberi kepentingan kepada negara dalam mengangkat semula harta warisan ini ke persada dunia. Hal ini demikian dikatakan kerana isu pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap Rumah Kutai belum diangkat dalam *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)*. Seiring dengan objektif kajian yang memberi impak kepada masyarakat membolehkan keistimewaan seni bina Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak dapat dipersembahkan kepada mata dunia.


## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan di kawasan Kompleks Bersejarah Pasir Salak, Perak di mana masih terdapat beberapa Rumah Kutai yang dimiliki oleh masyarakat di situ. Kompleks Bersejarah Pasir Salak, Perak adalah merupakan kawasan perkampungan masyarakat Melayu. Di kawasan tersebut adalah merupakan kawasan yang mempunyai tanda sejarah mengenai negeri Perak.

Dalam kajian ini, penyelidik menekankan tentang keistimewaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Hal ini demikian, penyelidik akan merungkai keistimewaan setiap ruang Rumah Kutai yang dikatakan setiap ruang mempunyai fungsi tersendiri.

Selain itu, dalam kajian ini juga penyelidik akan merungkai persepsi masyarakat terhadap pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Pandangan masyarakat yang semakin moden akan dapat dilihat sama ada mereka memilih untuk menjaga Rumah Kutai atau sebaliknya. Oleh hal demikian kajian ini akan membantu penyelidik untuk mendapatkan keputusan melalui pengedaran borang soal selidik.

Seiring objektif ketiga iaitu mengenalpasti kesan pemeliharaan Rumah Kutai kepada sosiobudaya masyarakat penyelidik memilih menggunakan kaedah borang soal selidik untuk melihat sejauhmana kesan yang akan diberi oleh masyarakat dalam aspek sosial dan budaya setempat. Sosiobudaya masyarakat setempat amat memainkan peranan dalam melihat Rumah Kutai ini perlu diangkat sebagai harta warisan yang perlu dipulihara ke peringkat antarabangsa.



Rajah 1.2: Peta Kawasan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.

Sumber: Google Maps, 2021

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.8 Batasan Kajian

Dalam penyelidikan ini, penyelidik memfokuskan kajian yang berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan. Penyelidik perlu menyatakan had dan batasan kajian kepada pembaca. Oleh hal yang demikian, kajian yang dilaksanakan adalah berkenaan keistimewaan seni bina Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak yang perlu dipelihara semula untuk dijadikan sebagai khazanah warisan negara yang sememangnya terbatas dalam mendapatkan maklumat dalam mencapai objektif kajian yang dinyatakan.

Dalam batasan kajian ini, penyelidik lebih menumpukan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak di mana terdapat beberapa buah rumah yang masih wujud di kawasan tersebut. Rumah Kutai ini semakin dilupakan identitinya kerana kebanyakannya rumah-rumah ini telah runtuh dan tidak berpenghuni.

Selain itu, penyelidik membataskan kajian dengan hanya mengupas seni bina yang terdapat pada Rumah Kutai di mana seni kelalai dan berdinding tepas hanya terdapat seni bina rumah melayu tradisional Perak. Kajian ini memfokuskan bagaimana setiap bahagian Rumah Kutai tersebut berfungsi.

Di samping itu, penyelidik menggunakan seramai 25 responden dalam melihat reaksi kesedaran masyarakat setempat di Kampung Pasir Salak, Perak terhadap pemeliharaan semula Rumah Kutai. Oleh itu, batasan kajian ini dapat menerangkan bagaimana Rumah Kutai ini perlu dimartabatkan untuk tontonan generasi akan datang.

## **1.9 Definisi Terminologi**

Terminologi secara amnya terkait dengan nama dan proses penamaan. Terminologi adalah merupakan kajian tentang kata-kata dan bagaimana ia digunakan. Istilah adalah gabungan kata dan kata yang digunakan dalam jenis tertentu. Kajian terminologi merangkumi aplikasi yang berbeza dan juga kepentingan budaya istilah. Menurut (Puteri Roslina Abdul Wahid, 2005), terminologi adalah takrifan perkataan dalam bidang yang merupakan alat untuk membentuk komponen-komponen yang membentuk sistem saintifik. Terminologi adalah merangkumi istilah sesuatu perkataan yang membawa ke dalam glosari. Pengkaji telah memfokuskan kajian penyelidikan terhadap Kepentingan Pemeliharaan Rumah Kutai Di Pasir Salak Perak Yang Memberi Impak Dalam Sosiobudaya Masyarakat.

### **1.9.1 Kepentingan**

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, kepentingan adalah sesuatu yang penting (dituntut, dihargai dan sebagainya) demi kebaikan, keuntungan atau kesejahteraan diri, faedah, manfaat. Dalam penyelidikan ini, pengkaji ingin menimbulkan persoalan bagaimana Rumah Kutai ini memberi kepentingan kepada masyarakat sekiranya dipelihara semula untuk diangkat sebagai warisan negara.

### **1.9.2 Pemeliharaan**

Pemeliharaan adalah merupakan suatu proses dalam konservasi yang bertujuan untuk mengekalkan signifikan warisan sesuatu tapak atau

objek bagi memastikan kelestariannya dapat dijaga. Menurut kamus dewan Bahasa edisi keempat, pemeliharaan adalah pembuatan, pembelaan, dan perawatan. Dalam konservasi, sesuatu objek atau artifak akan dirawat bagi mencegah kerosakan dan membaikpulih semula di mana ianya menggunakan kaedah preventif, kuaratif ataupun restorasi. Kaedah ini adalah merupakan langkah dalam pemeliharaan sesuatu artifak atau bangunan yang ingin diketahui samada pengkaji atau konservator.

### **1.9.3 Sosiobudaya**

Menurut kamus dewan edisi ke keempat, sosiobudaya adalah merupakan hubungan masyarakat dengan budaya (seperti cara hidup, adat, istiadat dan lain-lain). Dalam kajian ini, pengkaji memperlihatkan senibina yang mempengaruhi dalam reka bentuk Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Pengkaji ingin melihat perkaitan antara hubungan sosial dalam kalangan masyarakat penduduk kampung terhadap Rumah Kutai dalam memelihara semula rumah tersebut.

### 1.10 Penutup

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah berkaitan dengan mengenalpasti keistimewaan seni bina Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak yang dapat dikupas dengan menarik tentang seni anyaman daun kelalai dan fungsi bahagian Rumah Kutai tersebut. Untuk mendapatkan maklumat tersebut, penyelidik menggunakan pendekatan pemerhatian dan temu bual bersama responden yang merupakan pemilik atau penjaga Rumah Kutai di Kompleks Bersejarah Pasir Salak, Perak.

Kajian ini juga dapat menyedarkan masyarakat akan kepentingan menjaga dan memulihara semula Rumah Kutai yang memberi impak dari segi pelancongan dan juga ekonomi masyarakat setempat. Kerjasama dengan pelbagai pihak dalam memperkasakan pemeliharaan Rumah Kutai amat penting agar ianya utuh dipersembahkan kepada generasi walaupun dalam arus pemodenan yang semakin pesat.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan dibincangkan sorotan kajian tentang kajian-kajian yang berkaitan dengan keistimewaan seni bina Rumah Kutai di Pasir Salak serta kesan pemeliharaan terhadap rumah tersebut. Menurut Bryman & Bell 2003; Creswell 2005 sorotan kajian ialah rujukan kritis dan sistematik mengenai maklumat terpilih yang terdapat dalam kepustakaan atau literature berkenaan topik atau fokus objektif kajian penyelidik. Sorotan itu perlu menghurai, meringkaskan, menganalisi, mensintesis, menilai dan menerangkan literatur yang dipilih.

Dalam bab ini menyentuh pelbagai perkara mengenai kajian lepas yang dihasilkan oleh penyelidik berkenaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Oleh hal yang demikian, sorotan kajian ini bertujuan membantu penyelidik dalam membuat kajian berdasarkan tajuk yang dipilih.

## **2.2 Sejarah Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.**

Rumah Kutai atau disebut Kotai adalah merupakan perkataan yang bermaksud lama atau tua. Jadi, Rumah Kutai menunjukkan lama dan tua kerana kewujudannya yang berpuluhan tahun. Rumah Kutai ini kebanyakannya dibina di kawasan berdekatan tebing sungai (Kamarul Syahril Kamal, Lilawati Ab Wahab, Mohd Fareh Majid, 2005). Rumah Kutai ini terdapat dua jenis iaitu Rumah Kutai Tiang 12 dan Rumah Kutai Tiang 16. Penghijrahan suku-suku seperti Bugis, Rao, Banjar, Cina dan Inggeris adalah merupakan pengaruh yang membentuk pembinaan Rumah Kutai di Perak (Iskandar Zulqarnain, 2019). Oleh itu, melalui kajian ini penyelidik mendapati bahawa pasti ada sejarah yang mempengaruhi pembinaan Rumah Kutai ini secara terperinci di mana Rumah Kutai ini pasti ada bersusur galur dengan sejarah zaman kesultanan atau zaman penjajahan.

## **2.3 Ciri-ciri seni bina Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.**

Tidak dinafikan setiap rumah Melayu tradisional di Malaysia pasti terdapat ciri-ciri dan keistimewaan pada seni binaanya. Oleh itu, pengkaji mendapati terdapat seni bina yang sangat istimewa pada Rumah Kutai. Rumah Kutai terdapat seni binaan yang mempunyai fungsi yang amat penting. Seni binaan yang didapati adalah mempunyai elemen reka bentuk bertiang tinggi, berbumbung curam, berdinding anyaman dan juga mempunyai beberapa bahagian seperti rumah ibu, bahagian tengah dan bahagian dapur (Kamarul Syahril Kamal, Lilawati Ab Wahab, Mohd Fareh Majid, 2005). Selain itu, ciri seni anyaman juga mempengaruhi dalam seni binaan Rumah Kutai iaitu anyaman kelarai. Kelarai ini adalah berfungsi sebagai pengaliran udara (Nur

Adibah Nadiah Mohd Aripin, Noor A'yunni Muhammad, 2017). Rumah Kutai juga dibina lubang-lubang khas bagi menentang kemaraan musuh pada zaman penjajah (Dr. Muhammad Pauzi Abdul Latif, 2016). Hal ini demikian penyelidik akan merungkai satu persatu seni binaan Rumah Kutai yang sangat istimewa pada pandangan akan tetapi generasi kini kian melupakan disebabkan arus pembangunan yang lebih moden pada masa kini.



Rajah 2.1 Seni Anyaman Kelerai pada Dinding Rumah Kutai.

(Sumber: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/30664/1/30664.pdf>)

#### **2.4 Faktor yang mengancam kepupusan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.**

Secara umumnya, rumah Melayu tradisional banyak yang diancam kepupusan disebabkan oleh faktor manusia dan juga persekitaran. Seperti mana yang kita ketahui Rumah Kutai telah banyak yang runtuh disebabkan faktor seperti tiada penyelenggaraan, tiada kesedaran, fizikal rumah dan juga pengabaian (Mohamad Sohaimi Man, 2017). Rumah Kutai terletak di tepi tebing Sungai Perak. Ini menyebabkan ia mudah dilanda banjir hal ini menyebabkan hakisan tanah berlaku dan menyebabkan banyak Rumah Kutai telah runtuh

(Kamarul Syahril Kamal, Lilawati ab Wahab, Mohd Fareh Majid, 2005). Hal ini menjelaskan bahawa Rumah Kutai semakin diancam kepupusan disebabkan faktor yang terjadi. Oleh itu, kenalpastian faktor ini membolehkan Rumah Kutai diselenggarakan semula untuk menghargai nilai sejarah pada bangunan tersebut.

## **2.5 Kepentingan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bangunan dalam Kalangan Komuniti.**

Dalam kajian (Daeng Haliza Daeng Jamal, 2020) adalah bertujuan untuk meneroka penglibatan masyarakat tempatan dalam pengurusan warisan dengan memberi tumpuan kepada bangunan bersejarah di kawasan mereka. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk mengetahui kesediaan masyarakat tempatan dalam melindungi bangunan bersejarah dari ancaman kemusnahan melalui pendekatan penggunaan semula adaptif. Terdapat enam bangunan bersejarah yang mengalami penggunaan semula adaptif yang terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden mempunyai pemahaman dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah melalui pendekatan penggunaan semula adaptif.

## **2.6 Pengaruh Sosiobudaya dalam kalangan Masyarakat setempat.**

Menurut (Nor Hayati Sa'at, *et al*, 2017) dalam kajian isu berkaitan perubahan sosiobudaya dan mobiliti sosial komuniti. Dalam kalangan komuniti muara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Keadaan komuniti semakin terbuka memungkinkan berlakunya mobiliti sosial dalam kalangan generasi muda. Sebaliknya, mobiliti sosial berlaku apabila individu yang hidup dalam

komuniti berubah atau berpindah dari satu lokasi ke lokasi lain. Perubahan ini boleh memberikan nilai hierarki secara khusus dalam sesebuah komuniti

Sorotan literatur secara ringkas menjelaskan bahawa mobiliti sosial sebenarnya adalah perubahan atau pergerakan yang dialami oleh individu dalam sistem sosial daripada kedudukan pada peringkat tertentu kepada kedudukan peringkat yang lebih tinggi atau lebih rendah. Selain itu, dalam kajian (M. Natasha Edreena, R. Zuliskandar, 2020) Generasi masyarakat saat ini telah menggunakan media massa dan media sosial sebagai platform untuk menyajikan berita dan mempresentasikan alasan dan pendapat mereka tentang berbagai masalah, termasuk masalah yang berkaitan dengan warisan negara. Isu-isu warisan ini kemudian meningkatkan kesedaran masyarakat akan pentingnya menjaga dan melestarikan warisan negara. Secara umum, hasil penelitian menemukan bahawa peranan media massa dan media sosial sangat penting dalam penyebaran secara cepat dan luas segala persoalan yang berkaitan dengan warisan negara.

## **2.7 Kecacatan Bangunan Lama**

Dalam kajian (S. Johar, A. Ahmad, *et al*, 2011) amalan pemuliharaan, adalah penting untuk mengetahui jenis-jenis kecacatan dan kerosakan bangunan bagi memastikan kerja pembaikan yang diambil bersesuaian dengan kehendak dan keadaan bangunan. Usaha pemuliharaan dengan menggalakkan penyelenggaraan yang berkesan amat perlu ditekankan bagi memastikan bangunan lama ini dapat terus digunakan di samping mengekalkan kesinambungan seni bina di negara ini. Masjid-masjid lama sama seperti bangunan lama bersejarah yang lain juga telah memberi sumbangan besar dalam

penceritaan sejarah negara. Definisi pemuliharaan yang diberikan tidak hanya menumpu pada aspek teknikal malah ia juga menjurus kepada perancangan dan pengurusan bangunan bersejarah yang lebih dinamik dalam proses dan pemanjangan hayat bangunan. Penemuan budaya dan sejarah boleh didapati menerusi eksplorasi suatu bangunan warisan.



Rajah 2.2 Kecacatan Rumah Lama

(Sumber: <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/05/337907/pemasangan-ikut-cara-orang-lama>)

## 2.8 Penutup

Kesimpulannya, sorotan kajian adalah bagi mengenalpasti kelemahan yang perlu diperbaiki daripada kajian lepas. Pengkaji mendapati bahawa daripada kajian lepas dapat memberi keyakinan kepada pengkaji untuk mencapai objektif yang dikaji dan menemui sesuatu yang berguna. Daripada sorotan kajian ini juga, pengkaji akan menjadikan ianya sebagai asas untuk menganalisa dan mempelajari yang berkaitan dengan tajuk kajian yang ingin dirungkaikan dengan melihat kajian lepas penyelidik lain.

Dengan membuat sorotan kajian, pengkaji dapat melihat skop kajian, metodologi kajian yang digunakan serta dapatan kajian lepas dengan lebih jelas. Oleh itu, sorotan kajian ini memainkan peranan dalam membantu pengkaji untuk mengembangkan idea dan juga dapat mengenalpasti permasalahan yang berlaku dalam kajian lepas.

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Dalam kajian yang dijalankan metodologi amat penting dalam menentukan penggunaan kaedah yang bersesuaian. Metodologi kajian merujuk kepada bagaimana penyelidik ingin menentukan teori yang perlu digunakan secara praktikal. Dengan kata lain, metodologi adalah mengenai bagaimana penyelidik merancang kajian secara sistematik untuk memastikan hasil yang nyata dan boleh dipercayai yang memenuhi tujuan dan objektif penyelidik (Derek Jansen dan Kerry Warren, 2020). Dalam bab ini akan menjelaskan secara terperinci berkenaan penyelidikan yang dijalankan bagi mendapatkan data yang sahih bagi menyiapkan kajian ini, antaranya ialah:

1. Reka bentuk kajian
2. Instrumen kajian
3. Prosedur pungutan data
4. Kaedah analisis data
5. Jangkaan dapatan kajian

Oleh hal yang demikian, penggunaan teknik atau kaedah yang betul dalam pengumpulan data adalah amat penting berdasarkan perancangan yang dibuat oleh penyelidik.




UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

ETKWW

### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah tujuan mengenalpasti pelaksanaan penyelidik dalam mendapatkan kesahihan berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan. Dalam kajian yang dijalankan ini melalui dua jenis kaedah iaitu kuantitatif dan kualitatif di mana ianya merupakan kaedah pencampuran (*mix method*) berdasarkan objektif yang dinyatakan. Penggabungan dua kaedah ini membolehkan penyelidik mendapatkan data secara komprehensif bagi tujuan melihat persepsi masyarakat terhadap seni bina Rumah Kutai sama ada memberi impak yang baik atau sebaliknya. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah pencampuran (*mix method*) di antara kuantitatif dan juga kualitatif untuk memenuhi objektif seperti yang telah dinyatakan pada Rajah 3.1 berikut:



Rajah 3.1: Carta Alir Reka Bentuk Kajian

Menurut Rabson (2011), objektif reka bentuk kajian adalah mengubah pertanyaan penyelidikan menjadi projek yang merangkumi elemen seperti tujuan, teori, persoalan kajian, teknik, dan prosedur sampel. Manakala Creswell (2009) berpandangan, reka bentuk kajian adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metod kajian. Reka bentuk kajian amat penting dalam mencari maklumat dengan menggunakan kaedah pencampuran di mana menggunakan kualitatif dan kuantitatif.

### 3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan satu alat yang digunakan oleh penyelidik ketika menjalankan sesuatu penyelidikan. Instrumen kajian digunakan sebagai asas bagi memperoleh data seperti mana yang dikehendaki oleh penyelidik untuk mencapai objektif kajian. Kaedah yang digunakan oleh penyelidik ialah kaedah temu bual, pemerhatian dan kaedah soal selidik. Dalam kaedah ini, penyelidik akan bertemu dengan dua orang informan iaitu pemilik/penjaga Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak dan seramai 25 orang responden yang terdiri daripada penduduk kampung berdekatan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.

Instrumen kajian yang digunakan bagi memperoleh data terbagagi kepada dua iaitu kuantitatif dan juga kualitatif. Kuantitatif dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik manakala kualitatif dijalankan melalui cara temu bual dan pemerhatian untuk mendapatkan data dengan lebih tepat.

### **3.4 Prosedur Pungutan Data**

Prosedur pungutan data atau teknik pengumpulan data adalah merupakan salah satu cara bagi mendapatkan kesahihan kajian dan juga ketepatan agar mencapai objektif yang dikemukakan. Prosedur pungutan data adalah peringkat proses penyelidikan di mana para penyelidik menggunakan kaedah dan teknik saintifik untuk mengumpulkan data sistematik untuk tujuan analisis. Berikut adalah prosedur pungutan data mengikut teknik yang digunakan oleh penyelidik.

#### **3.4.1 Temu Bual**

Kaedah ini dilakukan oleh penyelidik dengan menyediakan soalan-soalan yang mengenai kajian yang dijalankan untuk ditanyakan kepada informen. Kaedah ini untuk mendapatkan maklumat tentang keistimewaan seni bina Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak dengan lebih langsung untuk mendapatkan jawapan yang lebih tepat dan terperinci. Kaedah ini merupakan kaedah kualitatif

#### **3.4.2 Pemerhatian**

Kaedah ini merupakan yang terawal dalam penyelidikan yang dijalankan. Pemerhatian telah dilakukan dengan lawatan ke lokasi kajian iaitu di Pasir Salak, Perak. Dalam proses pemerhatian ini, beberapa gambar akan diambil untuk dijadikan bukti lawatan ke kawasan kajian iaitu Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Kaedah ini akan menjadi bahan rujukan kepada penyelidik ketika membuat kajian secara terperinci.

#### **3.4.3 Soal Selidik**

Soal selidik merupakan satu cara kajian yang biasa digunakan untuk memperoleh sesuatu maklumat primer. Borang soal selidik akan diberikan kepada 25 orang responden untuk memperoleh data. Borang soal selidik ini disediakan bersesuaian dengan objektif kajian. Kaedah ini merupakan kaedah kuantitatif. Data kajian akan dikumpulkan dan akan diukur dengan menggunakan skala Likert.

#### **3.4.4 Rakaman Foto**

Pengkaji telah mengambil foto-foto yang berkaitan semasa kajian lapangan dijalankan. Foto ini bertujuan untuk menguatkan bukti dalam menulis laporan agar ia menjadi gambar yang bermaklumat untuk mendapatkan penjelasan lebih terperinci. Kaedah ini adalah sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya masalah seperti kehilangan maklumat bertulis. Rakaman foto ini pengkaji menggunakan telefon pintar sahaja.

#### **3.4.5 Rakaman Suara**

Pengkaji menggunakan rakaman suara sebagai langkah berjaga-jaga Ketika membuat temu bual bersama pemilik atau penjaga Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Hal ini juga pengkaji menggunakan rakaman suara sebagai bukti perbualan antara pengkaji dengan pemilik atau penjaga bagi dalam mencapai objektif pertama pengkaji,

### 3.5 Kaedah Analisis Data

Analisis data adalah proses sistematik dalam menyusun transkrip temubual, nota lapangan yang telah dikumpul bagi tujuan meningkat pemahamana terhadap dapatan dan membolehkan hasil dapatan dibentang kepada pihak lain (Bogdan & Biklen). Menurut Marshall & Rossman, 1995, analisis data adalah proses membawa susunan, struktur dan makna kepada jisim data yang dikumpulkan. Pengkaji merujuk kepada persoalan yang timbul melalui objektif kajian yang dinyatakan.

| Persoalan Kajian                                                                           | Kaedah Analisis Data      |
|--------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
| Apakah keistimewaan senibina Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak?                            | Temu Bual dan Pemerhatian |
| Bagaimanakah persepsi masyarakat terhadap pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak?  | Soal Selidik              |
| Apakah kesan pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak kepada sosiobudaya masyarakat? | Soal Selidik              |

Jadual 3.2: Kaedah Analisis Data

Data dianalisis menggunakan kaedah diskriptif dalam bentuk peratusan. Analisis akan dilakukan apabila data primer iaitu soal selidik yang telah diedarkan kepada 30 orang responden dan datanya telah diperolehi. Data yang diperolehi akan ditukarkan dalam bentuk angka dan angka akan dipersembahkan dalam bentuk

jadual. Dalam borang soal selidik ini mengaplikasikan Skala Linkert 5 peringkat. Setiap peringkat diberi dalam nilai Linkert dimana angka 5 angka mewakili sangatsetuju, 4 mewakili setuju, 3 mewakili tidak pasti, 2 mewakili kurang setuju dan 1 mewakili sangat tidak setuju.

Skala Likert ini mewakili pencarian data yang berdasarkan obejektif kajian kedua dan ketiga. Penyelidik akan menyediakan persoalan kepada responden dan perlu ditanda mengikut kesedaran masyarakat dalam memelihara semula seni bina Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.

| Skala | Tahap               |
|-------|---------------------|
| 1     | Sangat Tidak Setuju |
| 2     | Tidak Setuju        |
| 3     | Tidak Pasti         |
| 4     | Setuju              |
| 5     | Sangat Setuju       |

Jadual 3.3: Jadual Skala Likert

### **3.6 Jangkaan Dapatan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini, terdapat risiko dan kekangan untuk mendapatkan hasil kajian yang baik. Kajian ini merangkumi responden yang terdiri daripada penduduk kampung yang berdekatan dengan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Oleh hal yang demikian, capaian mendapatkan maklumbalas daripada responden adalah berdasarkan ketelitian responden dalam menjawab persoalan yang diusulkan penyelidik melalui borang soal selidik.

Dapatan kajian juga berkemungkinan menghadapi masalah terhadap mencari pemilik atau penjaga Rumah Kutai tersebut memandangkan pemilik yang beransur tua atau sudah tiada. Hasil dapatan kajian yang dapat akan membantu penyelidik untuk mencapai objektif yang telah dinyatakan

### **3.7 Penutup**

Secara kesimpulannya, bab ini menjelaskan reka bentuk kajian, instrument kajian, prosedur pengumpulan data, penganalisan data dan jangkaan dapatan kajian. Latar belakang dan lokasi kajian juga telah dibincangkan berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan. Dua kaedah yang digunakan untuk menganalisis data juga dibincangkan iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai analisis data dan memaparkan hasil penemuan kajian yang telah dilakukan daripada temu bual dan juga borang soal selidik yang telah diisikan oleh responden. Keputusan yang diambil adalah berdasarkan interpretasi yang telah diperoleh daripada jawapan responden melalui instrumen kajian. Analisis data pula dibuat berdasarkan objektif dan soalan kajian seperti mana yang telah dinyatakan dalam Bab Pertama.

Pengkaji telah menjalankan kajian ini dengan menemubual bersama seorang responden yang merupakan pegawai kurator di Kompleks Sejarah Pasir Salak, Perak. Temu Bual ini berlaku untuk mendapatkan maklumat berkaitan objektif pertama iaitu keistimewaan senibina Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Seterusnya, borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A menyentuh mengenai objektif kedua iaitu persepsi masyarakat terhadap pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak manakala pada bahagian B berkaitan objektif ketiga iaitu kesan pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak kepada sosiobudaya masyarakat. Respon yang telah diberikan oleh responden akan dicatat dan dijadikan rujukan kepada pengkaji bagi mengumpulkan data yang diperlukan.

## 4.2 Analisis Maklumat Demografi

### 4.2.1 Demografi Responden: Temu Bual

Responden merupakan pihak-pihak yang dianggap dan dijadikan sampel dalam sesuatu penelitian kajian. Dalam penelitian bersama responden dalam kajian temu bual, pengkaji telah menjalankan temu bual bersama 5 responden merupakan masyarakat sekitar Pasir Salak, Perak yang telah dinyatakan dalam Jadual 4.1 dibawah:

| Bil. | Nama Responden                    | Umur | Tarikh<br>Temubual | Kod<br>Responden |
|------|-----------------------------------|------|--------------------|------------------|
| 1.   | En. Mohd Fauzi Bin Mohamad Razali | 40   | 10.10.2021         | A                |
| 2.   | En. Mohd Razak Bin Che Hussin     | 42   | 22.11.2021         | B                |
| 3.   | En Hashim Bin Sariman             |      | 22.11.2021         | C                |
| 4.   | En. Sahak bin Yassin              |      | 23.11.2021         | D                |
| 5.   | En. Jauhar Bin Salim              |      | 23.11.2021         | E                |


Jadual 4.1: Nama Responden yang di Temu Bual oleh Pengkaji.

#### 4.2.2 Demografi Responden: Borang Soal Selidik

Jumlah responden yang terlibat dalam kaedah kedua iaitu soal selidik ini adalah seramai 30 orang yang terdiri daripada masyarakat yang tinggal berdekatan dengan Kompleks Sejarah Pasir Salak. Bahagian ini menghuraikan latar belakang tentang responden yang mewakili jantina, umur dan pekerjaan. Hasil maklumat yang diperolehi melalui borang soal selidik akan dianalisis dan diringkaskan dalam bentuk carta pai.

##### 4.2.2.1 Responden Mengikut Jantina


Jantina responden dalam kajian ini terbahagi kepada dua iaitu lelaki dan perempuan. Pengkaji tidak menghadkan pengedaran borang soal selidik terhadap sesuatu jantina sahaja. Rajah 4.2 menunjukkan peratusan bilangan responden mengikut jantina iaitu lelaki dan perempuan. Kadar peratusan yang menjawab borang soal selidik ialah sebanyak 63% bagi responden lelaki manakala bagi responden perempuan pula ialah 37%.



Rajah 4.2: Bilangan Responden Mengikut Jantina

#### 4.2.2.2 Responden Mengikut Umur

Umur bagi responden adalah terbahagi kepada kepada beberapa bahagian iaitu bawah 18 tahun sehingga 40 tahun ke atas. Pengkaji telah mengedarkan soal selidik ini kepada responden tanpa mengira had umur. Berdasarkan Rajah 4.3 menunjukkan bahawa kadar peratusan bagi kategori umur 40 tahun ke atas adalah bilangan yang tertinggi iaitu sebanyak 67%. Bagi kategori umur 30-39 tahun adalah sebanyak 20% manakala bagi umur 20-29 tahun kadar peratusannya ialah 13%.




Rajah 4.3: Bilangan Responden Mengikut Umur

#### 4.2.2.3 Responden Mengikut Pekerjaan

Pekerjaan responden dalam kajian ini terbahagi kepada empat bahagian di mana responden yang bekerja dalam sektor kerajaan, swasta, bekerja sendiri dan juga yang tidak bekerja.

Berdasarkan Rajah 4.4 menunjukkan kadar peratusan tertinggi bagi pekerjaan ialah tidak bekerja iaitu 43% manakala bagi peratusan bekerja sendiri ialah 23%. Kadar peratusan bagi pekerjaan sektor kerajaan dan swasta adalah sama iaitu sebanyak 17%.




Rajah 4.4: Bilangan Responden Mengikut Pekerjaan

## 4.3 Analisis Data Berdasarkan Temu Bual

### 4.3.1 Sejarah Rumah Kutai di Kompleks Sejarah Pasir Salak, Perak.

Rumah Kutai yang terdapat di Kompleks Sejarah Pasir Salak, Perak adalah merupakan Rumah Kutai yang dimiliki oleh Puan Wok Haji Kulup Mat Hassan atau lebih dikenali Kak Wok. Rumah Kutai ini telah dibina sekitar tahun 1890-an. Rumah Kutai ini telah diambil alih oleh kerajaan dan dibina semula dalam reka bentuk yang asal. Kutai adalah bahasa tempatan yang membawa maksud “lama” atau “tua”. Rumah Kak Wok ini mempunyai keunikan tersendiri dari segi binaan yang asli. Rumah Kutai kebiasaannya terdapat di sepanjang Sungai Perak. Rumah Kutai ini menghadap ke arah sungai di mana Sungai Perak menjadi jalan air bagi masyarakat ketika itu.



Rajah 4.5: Pandangan Sisi Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)



Rajah 4.6: Rumah Kutai di Kompleks Sejarah Pasir Salak, Perak.

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

#### 4.3.2 Keistimewaan Senibina Rumah Kutai di Kompleks Sejarah Pasir Salak, Perak.

Keistimewaan senibina Rumah Kutai ini boleh di dapati daripada struktur binaannya yang telah dibina oleh tukang orang dahulu yang mempunyai unsur dan nilai dalam aktiviti pertukangan. Rumah Kutai menjadi melambang kepada sesuatu identiti masyarakat di sekitar Pasir Salak, Perak. Fasad bangunan Rumah Kutai ini boleh dilihat keunikannya dari segi tiang, tangga, bumbung, tingkap dan sebagainya.

##### I. Tiang

Rumah Kutai terdapat dua jenis tiang iaitu tiang 12 dan tiang 16. Rumah Kutai Tiang 12 ini adalah merujuk kepada tiang yang berada di bahagian Rumah Ibu di mana 6 batang tiang separuh dan 6 batang tiang penuh. Manakala bagi Rumah

Kutai Tiang 16 adalah terdapat 8 batang tiang separuh dan 8 batang tiang penuh juga pada bahagian Rumah Ibu. Tiang bagi Rumah Kutai ini diperbuat daripada kayu cenggal. Ketinggian tiang rumah kutai ini hampir 7 kaki adalah untuk memaksimumkan pengudaraan dalam rumah dan juga memberi kelebihan pemilik rumah untuk melakukan aktiviti sosial.

## **II. Tangga**

Struktur binaan Rumah Kutai terdapat tiga jenis evolusi iaitu tangga yang tiada anjung, tangga yang mempunyai anjung bersebelahan dan juga tangga pusing yang mempunyai anjung. Keunikan tangga ini boleh dilihat daripada sudut pandangan Islam dan juga sosiobudaya iaitu bilangan anak tangga adalah ganjil. Tangga di Rumah Kutai ini juga menjadi sistem penggera yang bertindak untuk pemilik rumah tahu keadaan sekeliling daripada serangan musuh atau perompak dengan kesan bunyi tangga. Rumah Kutai ini terdapat di tangga iaitu tangga di bahagian anjung tangga di bahagian selang kering dan juga tangga di bahagian selang basah.



Rajah 4.7: Tangga Bahagian Selang Kering

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

### III. Bumbung

Bumbung Rumah Kutai ini sangat unik dengan memiliki perabung panjang yang membolehkan pemilik rumah untuk besarkan rumah yang disambungkan ke belakang melalui selang kering dan selang basah. Rumah Kutai ini tidak mempunyai sesikat bumbung menyebabkan ruang rumah tidak boleh disambung ke kiri atau ke kanan namun boleh dibesarkan secara memanjang ke belakang. Kecerunan bumbung rumah Kutai adalah kurang 45 darjah dan diperbuat daripada daun rumbia atau daun nipah. Hal ini demikian kerana secara teknikalnya memudahkan penyerapan terhadap air hujan dan memberi kesan pereputan yang cepat pada bahagian bumbung.




Rajah 4.8: Pandangan Bumbung Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

#### IV. Tingkap

Rumah Kutai juga dapat dilihat keistimewanya daripada tingkap iaitu tingkap singkat dan tingkap labuh. Kebanyakan rumah Kutai adalah menggunakan tingkap singkat. Selain itu, rumah kutai ini juga terdapat tingkap jenguk yang berfungsi sebagai untuk melihat tetamu yang datang ke rumah tanpa membuka pintu terlebih dahulu. Tingkap ini mempunyai jerejak yang diperbuat daripada kayu jenis nibong.




Rajah 4.9 Tingkap Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

## V. Rumah Ibu

Keistimewaan ruang Rumah Ibu adalah menjadi lebih istimewa dengan mempunyai satu bilik tetapi mempunyai dua pintu tanpa daun. Dua pintu tanpa daun ini dibuat adalah bagi memudahkan pergaulan antara persaudaraan dari aspek sosialnya di mana tetamu yang berkunjung. Ruangan Rumah Kutai di bahagikan dengan sangat teliti dan sangat privasi di mana tetamu selalunya akan dilayan di ruangan anjung. Bagi ruangan ibu dijadikan tempat untuk memisahkan pergaulan antara lelaki dan juga perempuan dan selalunya ruang ibu ini menjadi ruangan antara kenalan yang sudah rapat dengan keluarga.



Rajah 4.10: Pelan Lantai Ruang Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)


## VI. Selang Kering/Selang Basah

Rumah Kutai juga menjadi lebih unik apabila terdapat selang kering dan juga selang basah. Selang kering adalah berfungsi sebagai tempat rehat atau tempat jemuran kain. Selang kering ini kebiasaannya tidak mempunyai bumbung dan merupakan ruang terbuka. Selang basah pula adalah ruangan untuk memasak dan juga menyimpan makanan.

## VII. Lebah Bergantung

Setiap rumah melayu tradisional mempunyai ragam hiasnya tersendiri. Ragam hias yang menjadi sebuah identiti yang melambangkan sebuah Rumah Kutai yang terdapat di negeri Perak adalah di namakan sebagai Lebah Bergantung. Lebah bergantung ini adalah salah satu ragam hias yang terletak di hujung alang Panjang di sebelah tepi kaki tebar layar rumah ibu.

Lebah bergantung ini berbentuk bulat bersegi sebesar labu air dan sekali pandang seperti lebah bergantung. Fungsinya hanya sekadar hiasan rumah sahaja. Namun begitu, sesetengah orang berpendapat sebagai satu simbol kemegahan dan kekuatan rumah. Lebah bergantung ini juga dipercayai mempunyai sesuatu kuasa ghaib.



Rajah 4.11: Lebah Bergantung bagi Ragam Hias Rumah Kutai.

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

#### **4.4 Analisis Data Berdasarkan Borang Selidik**

##### **4.4.1 Persepsi Masyarakat Terhadap Pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.**

Berdasarkan Rajah 4.5 iaitu Persepsi Masyarakat Terhadap Pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak pengkaji mendapati bahawa kadar peratusan responden yang sangat setuju bagi soalan pertama iaitu Rumah Kutai di Pasir Salak perlu dipulihara dan dinaiktarafkan untuk terus digunakan adalah sebanyak 70% manakala yang setuju adalah sebanyak 27%. Hal ini demikian menunjukkan majoriti responden sangat setuju sekiranya Rumah Kutai Di Pasir Salak, Perak perlu dipulihara dan dinaiktarafkan untuk terus digunakan untuk kemajuan dalam pengkalan bangunan warisan.


Bagi soalan kedua, kadar peratusan bagi responden yang sangat setuju lebih tinggi iaitu sebanyak 53% manakala responden yang setuju adalah sebanyak 33%. Namun, pengkaji mendapati bahawa terdapat juga responden yang tidak pasti (10%) dan sangat tidak setuju (3%) dalam persoalan yang telah dinyatakan oleh pengkaji. Oleh itu, pemuliharaan dapat mengelakkan keusangan terhadap Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak serta pengabaian kawasannya.

Bagi soalan ketiga, pengkaji telah mendapati bahawa majoriti responden sangat setuju dengan kadar peratusan sebanyak 57% bagi persoalan tersebut. Pengkaji juga telah mendapati bahawa sebanyak 37% telah menjawab setuju. Nilai peratusan 3% adalah bagi responden yang

menjawab tidak pasti dan tidak setuju. Hal ini demikian pengkaji telah mendapati bahawa Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak seharusnya dipulihara dan dibangunkan untuk generasi akan datang.

Berdasarkan soalan keempat dalam Rajah 4.5, pengkaji telah mendapati bahawa kadar peratusan responden yang sangat setuju (53%) adalah lebih tinggi berbanding setuju iaitu sebanyak 37%. Manakala peratusan bagi responden yang tidak setuju (7%) lebih tinggi daripada responden yang tidak pasti (3%). Melalui data kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji mendapati bahawa Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak mempunyai potensi yang perlu dipertingkat terlebih dahulu sebelum dipulihara.

Akhir sekali, pengkaji telah mendapati sebanyak 60% responden sangat setuju dan 33% adalah responden yang setuju untuk soalan kelima. Namun begitu, hanya sebanyak 7% responden sahaja yang tidak pasti. Hal ini demikian menunjukkan pemuliharaan semula Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak dapat menyumbang dalam pendapatan ekonomi masyarakat setempat di mana mereka dapat menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi untuk meningkatkan sara hidup.



Rajah 4.12: Data Pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.

#### **4.4.2 Kesan Pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak kepada Sosio Budaya Masyarakat.**

Berdasarkan Rajah 4.6, iaitu Kesan pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak kepada sosiobudaya masyarakat melalui soalan satu menunjukkan kadar peratusan yang tertinggi ialah sangat setuju sebanyak 50%. Manakala bagi responden yang setuju adalah sebanyak 40% dan bagi responden yang tidak pasti dan tidak setuju adalah sebanyak 7% dan 3%. Hal ini demikian kerana reka bentuk Rumah Kutai yang dipulihara sedikit sebanyak dapat menggambarkan kehidupan masyarakat yang lalu.


Soalan kedua yang merujuk kepada persekitaran Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak dapat menggambarkan kehidupan masyarakat yang lalu menunjukkan bahawa kadar peratusan sangat setuju (57%) lebih tinggi daripada setuju (37%). Namun begitu, terdapat juga responden yang sangat tidak setuju dengan peratusan sebanyak 7%. Oleh yang demikian, persekitaran juga memainkan peranan dalam memberi kesan terhadap pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak kepada sosiobudaya masyarakat.

Berdasarkan soalan ketiga, sebanyak 50% mewakili kepada responden yang sangat setuju dan 43% adalah responden yang setuju. Manakala bagi 3% adalah responden yang tidak pasti dan sangat tidak setuju. Hal ini menunjukkan nilai sosial masyarakat masih boleh dipupuk sekiranya masih diamalkan dalam pelbagai aktiviti yang melibat nilai sosio dan budaya.

Seterusnya, bagi soalan keempat pengkaji mendapati bahawa majoriti responden sangat setuju dengan nilai peratusan sebanyak 50% dan

responden yang setuju adalah sebanyak 37%. Namun begitu, terdapat juga sebanyak 7% dan 3% di mana responden yang tidak pasti dan tidak setuju.

Akhir sekali, peratusan bagi responden yang sangat setuju dan setuju hampir sama di mana sebanyak 43% dan 40% bagi soalan kelima. Namun begitu, terdapat juga responden yang tidak pasti dengan persoalan yang telah diajukan oleh pengkaji iaitu sebanyak 10%. Responden yang tidak setuju dan sangat tidak setuju pula adalah sebanyak 3% bagi kedua-duanya. Oleh hal demikian, pengkaji mendapati bahawa budaya dan aktiviti masyarakat dapat menjadi tunjang dalam memberi kesan pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak kepada sosiobudaya masyarakat.



Rajah 4.13: Data Kesan Pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak kepada Sosio Budaya Masyarakat.

**PERBINCANGAN, CADANGAN & KESIMPULAN**

**5.1 Pengenalan**

Dalam bab ini, pengkaji akan memberi gambaran keseluruhan secara ringkas kajian yang telah dilakukan dan membuat kesimpulan berdasarkan analisis kajian yang telah dikumpul. Dalam hal ini, pengkaji mendapati bahawa segelintir masyarakat menunjukkan rasa keprihatinan terhadap pemuliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Berdasarkan data yang diperolehi, pengkaji juga akan mencadangkan beberapa saranan yang relevan kepada penyelidik seterusnya dalam menjalankan kajian yang berkaitan dengan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Projek penyelidikan ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji lain dalam mencapai maklumat yang diinginkan. Dalam usaha memartabatkan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak ini memerlukan Kerjasama yang mapan oleh semua pihak untuk menaikkan semula nama Rumah Kutai di Malaysia. Hal ini demikian tidak hanya segelintir sahaja yang mengetahui kewujudan rumah tersebut.

Dalam bab ini, pengkaji akan merumuskan mengenai tinjauan yang telah dilakukan sepanjang kajian ini dijalankan. Di samping itu, pengkaji juga akan menyatakan beberapa cadangan mengenai pemuliharaan dan pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak serta membuat kesimpulan secara menyeluruh berdasarkan kajian yang telah dijalankan.

## 5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini akan menghuraikan dan merumuskan dapatan-dapatan daripada tajuk kajian pengkaji tentang Kepentingan Pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak yang Memberi Impak dalam Sosiobudaya Masyarakat. Perbincangan ini mengenai dapatan kajian yang dilakukan berdasarkan pada penganalisisan data ketiga-tiga objektif kajian yang telah diulas secara terperinci di dalam bab empat.

### 5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1: Keistimewaan Senibina Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.

Seperti mana yang kita lihat, negeri Perak terdapat rumah tradisional melayu yang dikenali sebagai Rumah Kutai. Rumah Kutai ini telah mula dibina pada tahun 1890-an lagi. Kewujudan rumah ini boleh dikenalpasti apabila seorang pahlawan yang termasyur di negeri Perak iaitu Dato' Maharajalela memiliki Rumah Kutai sebelum dibakar oleh tentera British. Kajian yang dijalankan ini adalah di Kompleks Sejarah Pasir Salak, Perak yang terdapat Rumah Kutai yang telah dipulihara oleh pihak kerajaan iaitu Rumah Kutai Puan Wok.

Berdasarkan catatan pada papan kenyataan di hadapan Rumah Kutai ini dimiliki oleh Kak Wok yang telah dibina sekitar tahun 1890-an. Rumah ini telah diambil alih oleh pihak kerajaan dengan membina semula dan masih mengekalkan ciri-ciri keunikan rumah ini. Rumah Kutai ini juga telah dijadikan sebagai tempat pameran barangan senjata dan beberapa replika semasa kedatangan tentera British.

Rumah Kutai ini boleh dilihat keunikannya dari segi fasad pembinaannya. Rumah Kutai ini adalah merupakan sentuhan binaa orang melayu yang penuh dengan nilai keislamannya dan juga budaya yang mempengaruhi struktur binaan rumah tersebut. Hal ini demikian kita dapat lihat ruangan Rumah Kutai yang mempunyai anjung, rumah ibu, selang kering, dapur dan juga selang basah. Struktur binaan ruang ini hanya boleh dilihat pada Rumah Kutai sahaja dan sangat berbeza dengan rumah tradisional di negeri-negeri lain.

Setiap ruangan yang terdapat di Rumah Kutai ini mempunyai fungsinya yang tersendiri. Rumah Kutai menjadi lebih istimewa lagi dengan ragam hias yang dikenali sebagai lebah bergantung. Ragam hias ini menjadi simbolik kemegahan dan kekuatan bagi sesuatu Rumah Kutai. Kehalusan dalam tukang rumah menunjukkan rumah melayu tradisional mempunyai ciri keislaman dan budaya yang hebat. Hal ini demikian kita dapat melihat keseniannya dalam membentuk sahsiah dan keperibadian masyarakat zaman terdahulu.

#### **5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2: Persepsi Masyarakat terhadap**

##### **Pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.**

Perbincangan dalam bahagian ini adalah selaras dengan pengedaran borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden iaitu mengenai persepsi masyarakat terhadap pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. Kajian ini dilakukan adalah bagi melihat

persepsi masyarakat terhadap Rumah Kutai di mana masih relevan atau tidak sekiranya rumah tradisional ini dimartabatkan semula.

Analisis dalam kajian ini menunjukkan secara majoriti responden sangat bersetuju dengan pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak untuk tatapan generasi akan datang. Rumah Kutai di Pasir Salak amat berpotensi untuk dipulihara semula dalam mengekalkan ciri keistimewaan rumah tersebut. Melalui kajian ini pengkaji dapat melihat respon masyarakat yang positif terhadap pemuliharaan Rumah Kutai dapat menyumbang dalam pendapatan ekonomi masyarakat setempat.

### **5.2.3 Analisis Objektif Kajian 3: Kesan Pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak kepada sosiobudaya masyarakat.**

Berdasarkan pengedaran borang soal selidik terhadap kesan pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak kepada sosiobudaya masyarakat menunjukkan responden sangat bersetuju sekiranya dipulihara. Hal ini demikian kerana dengan pemeliharaan yang dilakukan dapat memberi gambaran kepada masyarakat tentang sosiobudaya kehidupan masyarakat terdahulu.

Rumah Kutai menjadi lebih unik dengan adanya masyarakat yang sangat harmoni. Kehidupan masyarakat terdahulu sangat memelihara ciri keislaman dan juga budaya dalam seni tukang. Setiap pertungan dalam ruangan-ruangan rumah adalah berpengaruh

dengan nilai Islam. Oleh itu, reka bentuk pelan lantai Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak adalah menjadi tunjang kepada budaya dan aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat ketika itu.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

ETKWW

### 5.3 Rumusan

Tuntasnya, hasil perbincangan mendapati bahawa kaedah atau metodologi yang kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian Kepentingan Pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak Perak yang memberi impak dalam sosiobudaya masyarakat adalah berhsil dan amat berkesan. Melalui temubual bersama informan atau responden telah membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat khususnya pada analisis objektif pertama. Respondenn (A) memainkan peranan penting dalam memberi maklumat berkaitan keistimewaan senibina Rumah Kutai di Pasir Salak Perak dan mengizinkan pengkaji membuat kajian lapangan rumah tersebut. Melalui kaedah pemerhatian yang digunakan oleh pengkaji telah membantu pengkaji untuk melihat sendiri keunikan ruangan Rumah Kutai tersebut. Hal ini demikian dapat membantu pengkaji dengan adanya ramakam foto dan juga catatan nota semasa di lapangan.

Dalam pada itu, pengedaran borang soal selidik telah banyak membantu pengkaji untuk mencapai objektif kedua dan objektif ketiga. Melalui kaedah yang dijalankan, pengkaji perlu mencari responden berdasarkan sampel yang disasarkan di kawasan lapangan menjadi sukar untuk mencapai sasaran. Oleh itu, pengkaji perlu mengecilkan skala berdasarkan respon masyarakat terhadap pengedaran soal selidik tersebut.

Berdasarkan analisis yang dilakukan di dalam Bab 4 mengenai tiga objektif dapat dirumuskan bahawa masih banyak lagi perlu diperbaiki terhadap pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak. di samping itu, maklumat kajian

ini dibantu dengan kajian lepas dalam meneliti jurnal, internet dan lain-lain. Melalui kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa potensi untuk pemeliharaan Rumah Kutai ini sangat tinggi di mana masih ramai masyarakat setempat mahupun di luar sana masih belum terdedah dengan kewujudan Rumah Kutai. Daripada sudut pandangan konservasi terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah ini. Permasalahan yang berlaku adalah disebabkan kurangnya sikap keperihatinan masyarakat terhadap pembangunan semula bangunan warisan. Pihak-pihak tertentu seharusnya bertanggungjawab dalam memastikan rumah ini dijaga dan diselenggara dengan baik.

## 5.4 Cadangan

Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak adalah merupakan rumah tradisional yang sangat unik dan mempunyai keistimewaan reka bentuknya tersendiri. Hal ini demikian pengkaji mencadangkan beberapa usaha yang perlu dilakukan bagi pengekaln warisan Rumah Kutai ini di samping untuk menaikkan nama Rumah Kutai ke peringkat seterusnya.

### i. Menaikkan semula seni bina Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.

Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak seharusnya dipertingkat potensinya terhadap seni bina yang masih terdapat pada rumah tersebut. Hal ini demikian kerana reka bentuk rumah melayu semakin salam semakin hilang disebabkan oleh arus pemodenan rekaan rumah pada masa kini. Rumah Melayu seharusnya mengekal elemen seni bina melayu dengan membawa nilai sosiobudaya. Kebanyakan seni bina atau reka bentuk rumah pada masa kini tidak disematkan lagi ciri-ciri tradisional yang merupakan nilai kekayaan warisan buaya yang kita miliki. Hal ini demikian kesenian tradisional perlulah diterapkan di dalam pembinaan rumah pada masa kini agar ciri seni bina Rumah Melayu tidak hilang dek zaman.

## **ii. Membudayakan hak milik warisan**

Kesedaran masyarakat sangat penting dalam kalangan generasi masa kini dalam menjaga harta warisan. Hal ii demikian, masyarakat perlu menerapkan ciri kesenian dan sosiobudaya kehidupan masyarakat di mana kita perlu membudayakan hak milik warisan yang sedia ada melalui kesinambungan kepada warisan yang akan datang.

## **iii. Menangani pengabaian Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.**

Rumah Kutai yang terdapat di Kompleks Sejarah Pasir Salak, Perak yang telah diuruskan oleh pihak kerajaan seharusnya mempertingkatkan lagi daya usaha dalam memartabatkan warisan Rumah Kutai ini. Pihak tersebut seharusnya mempromosikan lagi kewujudan rumah tersebut agar menjadi tatapan umum kepada generasi akan datang. Oleh itu, pihak-pihak tertentu bertanggungjawab dalam mengurus dan menyelida dengan menggunakan garis panduan baharu dalam memulihara dan menjaga hak milik Rumah Kutai.

## 5.5 Penutup

Seni bina adalah salah satu keindahan atau nilai estetik yang perlu dijaga kerana ianya sangat berharga dan menunjukkan peradaban bagi sesuatu bangsa. Rumah Kutai adalah rumah warisan bagi negeri Perak yang harus dijaga yang memberikan potensi yang tinggi dalam mengekalkan seni bina tradisi melayu. Hal demikian usahasama antara pihak kerajaan dan masyarakat amat penting dalam memastikan Rumah Kutai ini menjadi mercu kepada harta warisan yang perlu dijaga sebaiknya.

Bangunan atau tapak warisan adalah sangat penting untuk dipelihara di Malaysia kerana bangunana adalah dikategorikan dalam Warisan Ketara di bawah Akta Warisan Negara (2005). Di samping itu, bangunan warisan adalah menjadi salah satu kemegahan kesenian yang ada untuk dipaparkan kepada orang luar terhadap budaya sesuatu masyarakat. Aset warisan ini perlu dijaga sebaiknya agar menjadi tatapan umum di masa akan datang dan ianya sangat bernilai yang memberi kepentingan bersama dalam memastikan khazanah ini terus bertahan dalam jangka masa yang lama.

## RUJUKAN

- Haliza, Daeng, and Daeng Jamal. 2020. "Readiness Of The Local Community In Heritage Management : A Study On Adaptive Reuse Approach Of Historical Buildings In Perak." 11(8):1276–83. doi: 10.34218/IJM.11.8.2020.116.
- Haliza, Daeng, Daeng Jamal, and Zuliskandar Ramli. 2021. "Pemuliharaan Beberapa Bangunan Bersejarah Di Kelantan : Tinjauan Ke Atas Penglibatan Komuniti Setempat Dalam Suai Guna Semula Conservation of Several Historic Buildings in Kelantan : A Survey on Involvements of the Local Community in Adaptive Reuse." 2(2):461–74.
- Inangda, Nila, Manyam Keumala, Ezrin Arbi, and Mohammad Faisal. 2012. "Pengaplikasian Ukiran Kayu Melayu Dalam Seni Bina Di Malaysia." *Journal of Design and Built Environment* 11(2009):1–14.
- Johar, S., A. G. Ahmad, N. M. Tawil, and I. M. S. Usman. 2011. "Analisa Kajian Lapangan Ke Atas Kecacatan Pada Bangunan Masjid Lama Di Malaysia."
- Kamarul Syahril Bin Kamal<sup>1</sup>, Prof. Madya Dr. A. Ghafar Bin Ahmad<sup>2</sup>, Lilawati Bte Ab. Wahab<sup>1</sup> dan Mohd Azian Bin Zaidi<sup>1</sup>. 2006. "Kecacatan Dan Kerosakan Umum Pada Rumah Melayu Tradisional: Kajian Kes Rumah Kutai."
- Man, Mohamad Sohaimi. 2017. "Kepentingan Pemuliharaan Dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu Di Abad Kini." *Ideology* 2:2–13.
- Mohd Yuszaidy, Mohd Yusoff. 2018. "Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia." *Jurnal Melayu* 17(2):143–59.


- Natasha Edreena, Mohamad Nasruddin, and Ramli Zuliskandar. 2020. "*Keberkesanan Media Massa Dan Media Sosial Kepada ( The Effectiveness Of Mass And Social Media For Society In Resolving National Heritage Preservation Issues).*" 4(June):1–14.
- Nor Hayati Sa'at, Ibrahim Mamat, Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang. 2017. "Pola Perubahan Sosiobudaya Dan Mobiliti Sosial Dalam Kalangan Komuniti Muara Di Pantai Timur Semenanjung Malaysia." 87(3):163–76.
- Puteri Roslina, Abdul Wahid. 2005. "*Terminologi Bahasa Melayu.*" 55–71.

# LAMPIRAN

UNIVERSITI



MALAYSIA





KELANTAN

## Foto Kajian Lapangan









UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

FTKWW



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

ETKW



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

FTKW

## SOALAN TEMU BUAL

| Objektif Kajian                                                         | Soalan Temubual                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|-------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| I. Mengetahui keistimewaan senibina Rumah Kutai, di Pasir Salak, Perak. | <ol style="list-style-type: none"><li>1) Siapakah pemilik Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak ini dan mula dibina pada tahun bila?</li><li>2) Bagaimanakah struktur senibina bagi Rumah Kutai ini?</li><li>3) Adakah dinding tepas adalah salah satu keunikan bagi Rumah Kutai ini?</li><li>4) Apakah ciri-ciri senibina yang terdapat di Rumah Kutai ini?</li><li>5) Adakah kesenian Rumah Kutai ini membentuk identiti masyarakat pada zaman itu?</li><li>6) Apakah nilai islam yang diterapkan dalam pembinaan Rumah Kutai ini?</li></ol> |

## BORANG SOAL SELIDIK

### BAHAGIAN A: Demografi Responden

ARAHAN: Sila tandakan (/) mengikut maklumat diri.

#### 1. Jantina

- a) Lelaki (      )
- b) Perempuan (      )

#### 2. Umur

- a) Bawah 18 Tahun (      )
- b) 20-29 Tahun (      )
- c) 30-39 Tahun (      )
- d) 40 Tahun ke Atas (      )

#### 3. Perkerjaan

- a) Kerajaan (      )
- b) Swasta (      )
- c) Bekerja Sendiri (      )
- d) Tidak Bekerja (      )

BAHAGIAN B: Persepsi Masyarakat Terhadap Pemeliharaan Rumah Kutai Di Pasir Salak, Perak.

ARAHAN: Sila tandakan (/) pada jawapan pilihan anda di ruangan yang disediakan berdasarkan skala berikut.

|                        |                      |                     |               |                       |
|------------------------|----------------------|---------------------|---------------|-----------------------|
| Sangat Setuju<br>(STS) | Tidak Setuju<br>(TS) | Tidak Pasti<br>(TP) | Setuju<br>(S) | Sangat Setuju<br>(SS) |
|------------------------|----------------------|---------------------|---------------|-----------------------|

| Soalan                                                                                                        | TS | TS | TP | S | SS |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|----|----|---|----|
| 1. Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak perlu dipulihara dan dinaiktarafkan untuk terus digunakan.               |    |    |    |   |    |
| 2. Pemuliharaan dapat mengelakkan keusangan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak dan pengabaian kewasannya.      |    |    |    |   |    |
| 3. Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak perlu dipulihara dan dibangunkan untuk generasi akan datang.             |    |    |    |   |    |
| 4. Potensi yang ada pada Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak perlu dipertingkatkan dahulu sebelum dipulihara.   |    |    |    |   |    |
| 5. Pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak akan menyumbang dalam pendapatan ekonomi penduduk setempat. |    |    |    |   |    |

BAHAGIAN C: Kesan Pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak kepada sosio budaya masyarakat.

ARAHAN: Sila tandakan (/) pada jawapan pilihan anda di ruangan yang disediakan berdasarkan skala berikut.

|                        |                      |                     |               |                       |
|------------------------|----------------------|---------------------|---------------|-----------------------|
| Sangat Setuju<br>(STS) | Tidak Setuju<br>(TS) | Tidak Pasti<br>(TP) | Setuju<br>(S) | Sangat Setuju<br>(SS) |
|------------------------|----------------------|---------------------|---------------|-----------------------|

| Soalan                                                                                                                 | TS | TS | TP | S | SS |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|----|----|---|----|
| 1. Rekabentuk Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak dapat menggambarkan kehidupan masyarakat yang lalu.                    |    |    |    |   |    |
| 2. Persekitaran Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak dapat menggambarkan kehidupan masyarakat yang lalu.                  |    |    |    |   |    |
| 3. Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak merupakan kawasan interaksi penduduk setempat melalui aktiviti sosial dan budaya. |    |    |    |   |    |
| 4. Pemeliharaan Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak dapat meningkatkan sumber ekonomi masyarakat setempat                |    |    |    |   |    |
| 5. Budaya dan aktiviti masyarakat menjadi tunjang kepada reka bentuk pelan lantai Rumah Kutai di Pasir Salak, Perak.   |    |    |    |   |    |



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

**Penolong Kurator**

Kompleks Sejarah Pasir Salak  
Kampung Gajah  
36800 Perak Tengah  
Perak

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

*Faculty of Creative Technology and Heritage*

UMK.A02.600-4/7/4 JILID 2 (65)

30 SEPTEMBER 2021

RUJ. KAMI (Our Ref.) :

TARIKH (Date) :

Tuan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT 4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

| Bil. | Nama Pelajar         | No Matrik | No. Kad Pengenalan | Program                                               |
|------|----------------------|-----------|--------------------|-------------------------------------------------------|
| 1    | Nurhakimah Binti Esa | C18A0332  | 980713-08-5312     | Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian |

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"**

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD**

Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)